



“Budi Ditanam, Jasa Dikenang,  
Mulia dan Sejahtera  
Sepanjang Usia”

# داسر ورځ امس مکرمون **DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN**

“Bukanlah dari kalangan kami sesiapa yang tidak mengasihi  
anak-anak kecil kami dan tidak memuliakan  
golongan yang tua dari kalangan kami”

Riwayat al-Bukhari di dalam Al-Adab al-Mufrad: 358





# DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN

URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN  
WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Cetakan Pertama: April 2022

**Hakcipta Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita  
Kerajaan Negeri Kelantan**

©Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan oleh

**URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA &  
WANITA  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
ARAS 2, BLOK 2, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,  
15503 KOTA BHARU, KELANTAN**

Emel: ukekwa@gmail.com

Web : <https://ukekwa.kelantan.gov.my/>

FB | IG | TWITTER | TIKTOK : Urus Setia Kebajikan, Pembangunan  
Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)

Tel: 09-7481957 / 013-9836915

Faks: 09-7444957

**AMANAT**  
**YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN**  
**MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah SWT:

﴿ وَأَعْبُدُوا أَللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴾  
٢٦

"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatukannya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dalam perjalananya yang terputus perbelanjaannya dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kepada orang-orang yang sompong dan membanggakan diri".

Surah An-Nisaa ayat 36

Segala puji bagi Allah SWT, tuhan pencipta alam semesta yang maha pengasih lagi maha penyayang. Selawat serta salam tetap terlimpah di curahkan kepada baginda kekasih Allah, Nabi Muhammad SAW, keluarganya, sahabat serta kita sebagai penerus risalah suci ini.

Sebagaimana jangkaan penuaan di Malaysia pada tahun 2035, populasi masyarakat ini di Malaysia akan mencapai 15 peratus daripada jumlah

keseluruhan penduduk, yang mana Malaysia pada tahun tersebut akan mencapai status negara menua. Kerajaan negeri Kelantan mengambil inisiatif menggubal Dasar Warga Emas Mukramun yang mana dasar ini meletakkan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai asas utama dalam pembentukan dasar. Insya Allah dasar ini juga merangkumi 3 tonggak utama iaitu keberkatan, kemakmuran dan kebajikan dalam menggubal hasrat murni ini khusus untuk warga emas.

Kita jangan lupa bahawa kita tidak selamanya muda. Tetapi akan melalui zaman tua, maka pada ketika itulah baru kita merasakan apa yang orang tua rasa pada masa ini. Jika kita tidak menghormati mereka, maka kelak, kita juga tidak akan dihormati. Semoga dasar ini dapat membantu dijadikan sebagai panduan oleh pihak kerajaan negeri, semua badan-badan serta agensi untuk lebih cakna kepada warga emas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menggubal Dasar Warga Emas Mukramun. Semoga ianya menjadi amal jariah untuk kita di akhirat kelak. *Siru Ala' Barakatillah*

Sekian, terima kasih. Wassalam.

# RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT #  
# MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KELANTAN MENERAJUI  
PERUBAHAN #  
# KEBERKATAN – KEMAKMURAN - KEBAJIKAN #

Dengan hormatnya,



**Dato' Bentara Kanan**

**Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob S.J.M.K., D.J.M.K., (Kelantan)**  
Menteri Besar Kelantan

**KATA ALU-ALUAN**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN**  
**KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَإِلَّا لِوَالِدَيْنِ إِحْسَنَّا إِمَّا  
يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفِي  
وَلَا نَهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾  
٢٣

**Maksudnya:** Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapak. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah engkau membentak keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik.

Surah al-Isra:23

Alhamdulillah, puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T, sang pencipta langit dan bumi serta isinya. Selawat dan salam ke atas junjungan agung Rasulullah S.A.W. yang telah diutus untuk membawa risalah besar buat umat manusia serta ke atas ibu bapa Baginda, datuk dan neneknya dan ahli keluarganya yang lain juga para sahabat r.a.

Seperti yang diketahui umum pada 2020 warga emas di Kelantan mencecah 198,000 orang dan menjelang 2030 nanti, warga emas berusia 60 tahun dan ke atas diunjurkan mencapai 15 peratus (271,000 orang) daripada jumlah penduduk. Ia menjadikan tahun 2030 akan mencapai status negara menua. Golongan ini perlu dimuliakan, dihormati, diberi penghargaan serta dijaga hubungan baik dengan mereka. Kecaknaan dan kebajikan perlu diutamakan dengan memberikan segala hak dan tanggungjawab kepada

golongan warga emas. Seiring zaman yang penuh dengan cabaran ini, warga emas juga wajar dijadikan rujukan dan diambil teladan agar segala pengalaman yang ada pada mereka tidak hilang ditelan zaman. Ilmu dan ketulenan sejarah yang ada pada mereka harus diambil tahu dan dijaga rapi.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui portfolio Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan mengambil langkah proaktif dengan membina sebuah modul, model dan sistem pembangunan serta kebijakan warga emas yang selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Penggubalan Dasar Warga Emas Mukramun ini bagi menggalakkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan menyediakan polisi, insentif, perkhidmatan, pendidikan dan infrastruktur yang mesra warga emas dalam memberi perhatian terhadap golongan ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penggubalan dasar ini. Semoga ianya menjadi amal jariah dan di beri ganjaran oleh Allah S.W.T. Saya menyeru kepada semua pihak termasuk kerajaan, agensi kerajaan badan bukan kerajaan serta seluruh masyarakat perlu bersama-sama berganding bahu untuk memastikan perkembangan industri warga emas di Kelantan ini dapat direalisasikan dan dibangunkan di setiap kawasan demi kebahagiaan warga emas dan kesejahteraan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**# RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT #  
# MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KELANTAN MENERAJUI  
PERUBAHAN #  
# KEBERKATAN – KEMAKMURAN - KEBAJIKAN #**

Dengan hormatnya,

**Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi D.J.M.K., J.M.K., (Kelantan)**

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**PRAWACANA**  
**PENGARAH**  
**URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA &**  
**WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَالُوا يَا أَيُّهَا الْعَزِيزُ إِنَّ لَهُ أَبَا شَيْخًا كَبِيرًا فَخُذْ أَحَدَنَا  
مَكَانَهُ وَإِنَّا نَرَدُكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ



*Maksudnya: Merekapun merayu dengan berkata: "Wahai datuk menteri! Sesungguhnya ia (Bunyamin), mempunyai bapa yang sudah tua, lagi berpangkat. Oleh itu, ambilah salah seorang di antara kami sebagai gantinya; sesungguhnya kami memandangmu dari orang-orang yang sentiasa berbudi ".(Yusuf 12:78)*

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga hari kesudahan.

Setinggi penghormatan kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob dan EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi atas sokongan dan dokongan yang padu dalam menjayakan penggubalan Dasar Warga Emas Mukramun ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua jabatan, agensi serta ahli jawatankuasa yang terlibat dalam sumbangsih dan pengorbanan yang tidak berbelah bagi memastikan dasar ini disiapkan.

Warga emas adalah ejen penghubung silaturahim antara generasi dalam masyarakat yang akan membawa keberkatan dalam kehidupan. Golongan ini merupakan pembangun berterusan dalam institusi keluarga. Semoga atas sumbangan dan bakti mereka, maka lahirlah generasi berwawasan masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, agama dan negara di masa akan datang.

Akhir kata, Dasar Warga Emas Mukramun merupakan komitmen Kerajaan dalam usaha mewujudkan warga emas berdikari, bermartabat dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif bagi kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Diharapkan dasar ini tidak menjadi dokumentasi semata-mata, tetapi ianya dapat disebarluaskan dan menjadi rujukan serta difahami oleh semua pihak tentang hasrat murni kerajaan ini. Semoga usaha murni ini mencapai objektif yang diharapkan dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Siiru Ala Barakatillah

Sekian, wassalam

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KELANTAN CAKNA KEBAJIKAN”**

Dengan hormatnya,



**ILVIRA BINTI MOHD DASUKI**

Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita  
Negeri Kelantan

# **DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN (DWM)**

## **KANDUNGAN**

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. RASIONAL
4. TEMA
5. PERNYATAAN DASAR
6. VISI
7. MISI
8. MATLAMAT
9. PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA
10. WARGA EMAS: HAK DAN TANGGUNGJAWAB
11. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR
12. PELAKSANAAN
13. FASA PELAKSANAAN
14. PINDAAN
15. PENUTUP

## **MAKLUMAT KUMPULAN PENYELIDIK DASAR**

## **MAKLUMAT AHLI PENGGUBAL DASAR**

## **SEJARAH RINGKAS PEMBENTUKAN DASAR**



## DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN (DWM)

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Islam menerangkan fasa kejadian manusia secara lengkap bermula dari janin, bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa, tua sehingga akhir hayat.

*Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitik) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmah kejadian itu serta kekuasaan Tuhan).*

Surah Ghafir 40: 67

- 1.2 Fitrah kehidupan ini menuntut berlakunya proses interaktif antara generasi muda dan generasi tua. Hubungan antara dua generasi ini perlu dilakukan secara harmoni dengan penuh kesantunan dan adab serta saling menunaikan hak dan tanggungjawab sebagaimana dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w.

*Bukanlah dari kalangan kami sesiapa yang tidak mengasihi anak-anak kecil kami dan tidak memuliakan golongan yang tua dari kalangan kami.*

Riwayat al-Bukhari di dalam Al-Adab al-Mufrad:358

- 1.3 Adab memulia dan menghormati setiap insan merentasi agama, kaum dan budaya dengan mengutamakan mereka yang lebih berusia.

***Jibril a.s telah menyuruhku untuk mendahulukan orang-orang yang lebih tua.***

**Hadis Imam Ahmad: 6226**

- 1.4 Menginsafi bahawa penuaan merupakan fitrah kehidupan yang telah disusun oleh Allah s.w.t, maka langkah untuk menghadapinya perlu dilakukan seawal bermulanya kehidupan. Oleh itu, dasar warga emas telah digubal dan dikenali sebagai Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan (DWM).
- 1.5 DWM akan memberi tumpuan secara inklusif dan ekslusif kepada pendidikan, pembangunan, perlindungan, kesihatan, penglibatan dan kebajikan warga emas daripada pelbagai latarbelakang kehidupan untuk menikmati kehidupan sejahtera dan menyumbang kepada masyarakat, ummah dan negeri.
- 1.6 Pada tahun 2020 warga tua di Kelantan telah mencecah 198,000 orang. Menjelang tahun 2030, warga emas berusia 60 tahun dan ke atas diunjurkan mencapai 15% (271,000 orang) daripada jumlah penduduk. Justeru, penggubalan DWM adalah perlu sebagai langkah untuk menghadapinya.
- 1.7 Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan

dalam menyediakan polisi, insentif, perkhidmatan, pendidikan dan infrastruktur yang mesra warga emas.

- 1.8 Terdapat dua kategori utama warga emas dalam DWM iaitu Warga Emas berupaya dan Warga Emas tidak berupaya. Kedua-dua kategori ini diberi perhatian secara seimbang dan saksama.
- 1.9 Dasar ini digubal berpandukan istilah-istilah warga emas dalam al-Quran:

#### 1.9.1 Syaibah (شیبہ)

Perkataan ini disebut dalam al-Quran (30:54) yang merujuk kepada orang yang sudah tua. Maksud syaibah adalah beruban yang menggambarkan kepada permulaan memasuki usia emas.

#### 1.9.2 Syaikh (شيخ)

Perkataan ini diulang sebanyak empat kali di dalam al-Quran. Dua daripadanya disebut secara bersendirian, merujuk kepada lelaki yang sudah mencapai usia tua(11:72, 40:67), dan dua lagi disebut dengan disandarkan pada kata sifat iaitu syaikhun kabir bermaksud lelaki tua yang mempunyai ilmu, kepimpinan dan kedudukan dalam masyarakat ( 12:78, 28:23).

#### 1.9.3 ‘Ajuz (عجوز)

Kedua-dua ayat yang mengandungi perkataan ‘Ajuz dalam al-Quran, merujuk kepada wanita yang sudah mencapai usia tua (11:72, 51:29).

#### 1.9.4 Kibar (کبر)

Perkataan Kibar disebut sebanyak enam kali dalam al-Quran. Ia merujuk kepada peringkat usia yang sudah tua (2:266, 3:40, 14:39, 15:54, 17:23, 19:8)

### 1.9.5 Wahanal ‘azhu ( وهن العظم )

Istilah ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-Quran (19:4) yang bermaksud lemah tulang-temulang. Ia membawa kepada maksud lemah tubuh badan akibat usia yang sudah tua.

### 1.9.6 Arzalil ‘Umur ( أرذل العمر )

Disebut sebanyak dua kali dalam al-Quran (16:70 dan 22:5). Ia bermaksud peringkat usia yang paling lemah dan sangat tua iaitu keadaannya kembali seperti kanak-kanak yang tidak mengetahui sesuatu dan nyanyuk.

1.10 Dasar ini mengambil kira 4 prinsip asas dalam menyantuni warga emas;

#### 1.10.1 Tauqir ( توقير )

Disebut melalui hadis bernombor 358 oleh Imam Bukhari di dalam kitab Adabul Mufrad. Ia bermaksud memberikan penghormatan, kemuliaan dan penghargaan yang selayaknya kepada mereka yang lebih tua.

#### 1.10.2 Ihsan ( إحسان )

Ihsan disebut di dalam al-Quran (17:23) yang bermaksud berbuat baik dan melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya dan bersungguh-sungguh secara ikhlas kerana Allah. Ia merupakan kemuncak prestasi dalam amalan dan tindakan dengan merasai pengawasan Allah baik secara terang-terangan atau secara rahsia. Ia merupakan kesempurnaan penghayatan dari iman yang menjelma dalam tindakan dan amalan.

#### 1.10.3 Ikram ( إكرام )

Dinyatakan melalui hadis Abu Dawud bernombor 4843. Ia bermaksud memuliakan seseorang

berdasarkan hak dan meninggikan kedudukannya melalui muamalah dengan cara yang terbaik. Ikram adalah bentuk penghormatan yang perlu dizahirkan melalui perbuatan dan perkataan.

#### 1.10.4 Ihtiram (احترام)

Bermaksud menzahirkan penghargaan dan penghormatan yang mendalam kepada orang lain dalam mengeratkan hubungan dan memupuk rasa kasih sayang.

- 1.11 DWM hendaklah dibaca bersama Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan, Dasar Warga Emas Negara (DWEN), Dasar Kesihatan Warga Emas Negara, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan Warga Emas, dasar-dasar berkaitan sosial dan keluarga di peringkat kebangsaan dan dasar-dasar lain Kerajaan Negeri Kelantan yang berkaitan, termasuk Dasar Membangun Bersama Islam yang berteraskan konsep Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) dan Dasar Keluarga Mawaddah.

## 2.0 DEFINISI

### 2.1 Mukramun

Mukramun bermaksud orang-orang yang dimuliakan. Warga emas adalah golongan yang perlu dimuliakan dengan meninggikan kedudukan mereka, menunaikan hak mereka, bermuamalah dengan cara yang terbaik serta memuliakan mereka dengan menzahirkan penghormatan melalui perbuatan dan tindakan. Warga emas perlu mempersiapkan diri agar dipandang mulia di sisi Allah dengan sentiasa berusaha memenuhi kriteria mukramun sebagaimana yang dinyatakan

di dalam al-Quran (al-Saffat 37:40-42, al-Maarij 70: 22-35, Ya Sin 36:20-27)

## 2.2 Sejahtera

Sejahtera dalam konteks dasar ini merujuk kepada kebahagiaan dan kesejahteraan yang dicapai di dunia dan di akhirat dengan mengamalkan gaya hidup yang positif pada lima dimensi utama iaitu kerohanian, kesihatan, kewangan, keilmuan dan kemasyarakatan.

## 2.3 Warga Emas

Merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam United Nations World Assembly on Ageing di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN.

## 2.4 Warga Emas berupaya

Warga emas yang sihat, positif, aktif, produktif dan berupaya berdikari serta menyumbang kepada ummah. Golongan ini termasuklah warga emas yang *par excellence*, yang sentiasa menyokong dan menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan turut mendorong orang lain melakukan kebaikan termasuklah warga emas yang berupaya dari segi mental walaupun tidak berupaya dari segi fizikal.

## 2.5 Warga Emas separa upaya dan tidak berupaya

Golongan warga emas yang tidak mampu berdikari dan tidak berupaya mengurus diri sendiri samada dari sudut kewangan, kesihatan, emosi dan sebagainya. Mereka memerlukan orang lain untuk mengurus diri mereka.

## 2.6 Warga Emas Tunggal

*Warga emas yang hidup sebatang kara* iaitu tidak mempunyai sanak saudara dalam hidup.

## 2.7 Fitrah penuaan

Fitrah penuaan merujuk kepada proses kitaran kehidupan yang telah disusun oleh Allah ke atas semua makhluk termasuk manusia. Ia ditandai dengan penurunan fungsi emosi, fizikal, mental dan sosial selari dengan pertambahan usia.

## 2.8 Wali

Merupakan individu tertentu yang diberi kuasa oleh syarak untuk melaksanakan tanggungjawab pewalian terhadap orang yang berada di bawah jagaannya seperti kanak-kanak, wanita, golongan rentan, orang tua dan sebagainya. Wali berperanan sebagai individu yang menjaga maslahah dan keperluan orang di bawah jagaannya.

## 3.0 RASIONAL

Penggubalan DWM dibuat untuk mencapai perkara-perkara berikut;

- 3.1 Memenuhi matlamat Dasar Membangun Bersama Islam.
- 3.2 Menambah baik dan menyokong DWEN supaya bersesuaian dengan syarak.
- 3.3 Menyediakan garis panduan tentang proses kerja dan tatacara hak dan tanggungjawab warga emas.
- 3.4 Mewujudkan polisi, sistem dan kemudahan untuk persekitaran kehidupan yang kondusif, selamat dan sejahtera untuk warga emas di negeri Kelantan.
- 3.5 Memastikan kerajaan untuk mengambil kira semua dasar secara holistik dalam membangunkan masyarakat dan Negeri.

## **4.0 TEMA**

Budi Ditanam, Jasa Dikenang, Mulia dan Sejahtera Sepanjang Usia

## **5.0 PERNYATAAN DASAR**

Menginsafi penuaan adalah satu fitrah maka segala usaha perlu dilakukan oleh warga emas, keluarga, masyarakat dan kerajaan agar proses penuaan ini berada dalam keadaan positif dan produktif sehingga mencapai pengakhiran terbaik dalam menikmati kesejahteraan bersama serta hidup penuh kemuliaan.

## **6.0 VISI**

Warga emas terhormat dan dimuliakan agar sejahtera di dunia dan di akhirat

## **7.0 MISI**

Memupuk kesedaran dan kesediaan dalam kalangan warga emas dengan menyediakan bimbingan, sokongan, bantuan dan kemudahan serta melindungi hak dan tanggungjawab secara benar dan saksama untuk warga emas ke arah kehidupan yang sejahtera dan mulia di dunia akhirat.

## **8.0 MATLAMAT**

8.1 DWM bermatlamat untuk membangun warga emas yang dihormati dan menghormati agar mereka sejahtera dari aspek spiritual, fizikal, emosional dan intelektual melalui sokongan

holistik semua pihak dengan menyedia dan meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan sistem dan persekitaran yang boleh membantu mereka hidup sejahtera dan dimuliakan.

## 8.2 Objektif utama DWM ialah untuk memastikan

- 8.2.1 Kecaknaan masyarakat terhadap fitrah penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua sentiasa dibangun dan ditingkatkan;
- 8.2.2 Setiap individu, ahli keluarga, wali, penjaga, komuniti dan pemimpin prihatin terhadap hak dan tanggungjawab warga emas untuk kelangsungan hidup, perkembangan, penyertaan, sumbangan dan perlindungan;
- 8.2.3 Setiap warga emas berhak untuk meneruskan kehidupan yang seimbang dari aspek kerohanian, kesihatan, kewangan, keilmuan dan kemasyarakatan.
- 8.2.4 Setiap warga emas berhak untuk hidup dalam kemuliaan dengan diberi jagaan, nafkah, bantuan, keraian, kasih sayang, perkhidmatan, sokongan dan jaminan sosial.
- 8.2.5 Setiap warga emas bertanggungjawab untuk mendoakan, memberi restu, berkongsi dan memperturunkan ilmu, pengalaman dan kepakaran serta bertindak sebagai pembimbing dan rujukan kepada masyarakat dan generasi baru.
- 8.2.6 Setiap warga emas berhak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; seterusnya diberi pendidikan, rawatan, pemulihan dan diintegrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

- 8.2.7 Setiap warga emas berhak untuk bersuara, dirujuk, menyertai dan melibatkan diri dalam masyarakat mengikut tahap keupayaan dan potensi diri.
- 8.2.8 Penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, kebijakan dan penyertaan warga emas dalam masyarakat dilaksana dari semasa ke semasa.
- 8.2.9 Adat warisan, seni budaya dan jati diri masyarakat dilindungi dan diperturunkan oleh warga emas kepada generasi baru.

## 9.0 PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA

- 9.1 DWM selaras dengan Dasar MBI yang menjadi paksi dalam segala gerak kerja kerajaan negeri berasaskan *Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan* yang disebarluaskan ke dalam masyarakat melalui strategi merakyatkan membangun bersama Islam.
- 9.2 Hakikat pgunaan adalah satu kitaran hidup secara fitrah yang telah ditentukan oleh Allah; bermula dari janin, bayi, orang muda, dewasa, dan tua yang memerlukan polisi, infrastruktur dan sistem sokongan yang holistik.

*Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dialah juga yang amat mengetahui lagi amat berkuasa.*

Surah Al-Rum 30:54

- 9.3 Proses menghadapi kematian adalah suatu kemestian kerana setiap kehidupan itu berakhir dengan kematian. Justeru, ia memerlukan kesedaran, persediaan dan sokongan.

*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah, kemudian Kami jadikan (pati) itu air benih pada tempat penetapan yang teguh kukuh, kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami menciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaan. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta. Kemudian sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.*

Surah Al-Mu'minun 23:12-16

- 9.4 Alam kubur merupakan persinggahan pertama kepada destinasi akhirat. Semua manusia akan dibangkitkan dan dinilai amalannya serta diberi ganjaran baik atau buruk menurut amalannya. Ia merupakan medan penilaian amalan yang telah dibuat di dunia dan semua akan dipertanggungjawabkan.

*Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal. Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan jahat, maka ia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya; dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, mereka beroleh rezeki di dalamnya dengan tidak terhitung.*

Surah Ghafir 40: 39-40

- 9.5 Usia tua adalah ruang dan peluang keemasan untuk menggandakan amalan baik serta, membuat penambahbaikan pada diri, masyarakat dan ummah sebagai ibadah.

*Allah SWT sudah tidak mahu menerima keuzuran (uzur tidak sempat berbuat ibadah) daripada seseorang yang sudah dilanjutkan usianya sehingga sampai 60 tahun'*

Hadis Sahih Bukhari: 6419

- 9.6 Warga emas hendaklah memenuhi kriteria golongan yang layak dimuliakan menurut al-Quran dan sunnah kerana kemuliaan yang hakiki diukur pada tahap ketakwaan.

*"Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu adalah orang yang paling bertakwa"*

Surah al-Hujurat 49:13

- 9.7 Warga emas hendaklah berusaha untuk kesinambungan warisan iman, jati diri dan kecemerlangan generasi selepasnya akan diteruskan dengan memastikan zuriat keturunannya beriman, kenal diri dan istiqamah dalam kehidupan.

*Dan nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga nabi) Yaakob (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya : Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam. (Demikianlah wasiat nabi Yaakob, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi), kamu tiada hadir ketika nabi Yaakob hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya; "Apakah yang akan kamu sembah sesudah aku mati?". Mereka menjawab; "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang maha esa, dan kepada-Nya sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)".*

- 9.8 Warga emas adalah sumber rujukan dan diiktiraf atas keilmuan, pengalaman dan kepakaran mereka. Oleh itu, memulia dan meraikan mereka adalah satu kewajipan.

*“Sesungguhnya, termasuk dari mengagungkan Allah adalah memuliakan seorang muslim yang sudah tua (warga emas)”*

Hadis Abu Dawud: 4843

- 9.9 DWM meyakini Islam sebagai cara hidup dan menghormati kepercayaan, nilai dan norma dalam masyarakat majmuk ke arah kesejahteraan warga emas.
- 9.10 Asas dalam menyantuni warga emas bermula dengan berbakti, berkasih sayang dan berbuat ihsan kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang telah lanjut usia. Berbakti kepada ibu bapa adalah satu kewajipan dan ibadah.

*“Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ah dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: Wahai Tuhanku,kasihanilah mereka sebagaimana mereka mengasihanku ketika kecil”*

Surah al-Israa' 17: 23-24

- 9.11 Tanggungjawab menjaga kebijakan warga emas adalah tanggungjawab semua anak lelaki dan perempuan serta ahli keluarga secara kolektif.

*“Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan dia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Dia bertanya, "Apa hal kamu berdua?" Mereka berkata, "Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya"*

Surah al-Qasas 28:23

- 9.12 Menjaga kebijakan warga emas dan melindungi nyawa mereka adalah keutamaan dan tanggungjawab semua pihak dalam semua keadaan.

*“Pergilah kalian dengan nama Allah, dengan Allah dan atas agama Rasulullah, jangan kalian membunuh orang tua yang sudah tidak berdaya, anak kecil dan orang perempuan.”*

Hadis Abu Dawud: 2614

- 9.13 Warga emas adalah ejen penyambung silaturahim antara generasi dalam masyarakat yang akan membawa keberkatan dan umur panjang.

*“Barang siapa ingin dilapangkan rezekinya dan ditambah umurnya, maka hendaklah menjalin silaturrahim.”*

Hadis Sahih Bukhari: 2067

- 9.14 Warga emas hendaklah dilindungi dan bertanggungjawab untuk melindungi masyarakat dari segala bentuk pengabaian, diskriminasi dan penganiayaan.

*Dia bertanya lagi, “Lalu siapakah orang yang terburuk?” Beliau menjawab, “Orang yang berumur panjang dan buruk amalnya”.*

Hadis riwayat Imam Ahmad: 20443

- 9.15 Warga emas bertanggungjawab untuk menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat dan ummah sehingga akhir usia secara optimum dalam pelbagai aspek termasuklah mendoakan untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

*Mush'ab bin Sa'ad berkata bahawa Sa'ad r.a memandang dirinya memiliki keutamaan di atas yang lainnya (dari para sahabat). Maka Nabi s.a.w bersabda, "Bukankah kalian diberi pertolongan (dimenangkan) dan rezeki melainkan dengan sebab orang-orang yang lemah di antara kalian?"*

Hadis Sahih Bukhari: No.2896

## **10.0 WARGA EMAS: HAK DAN TANGGUNGJAWAB**

Warga Emas mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Pelaksanaan hak dan tanggungjawab yang terkandung dalam dasar ini mestilah selari dengan keupayaan warga emas menurut adat, undang-undang dan hukum syarak.

### **10.1 AGAMA**

- 10.1.1 Setiap individu warga emas muslim hendaklah berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- 10.1.2 Warga Emas berhak dan bertanggungjawab menyempurnakan tuntutan agama dan menjalani kehidupan beragama masing-masing.
- 10.1.3 Warga emas berhak dan bertanggungjawab mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah menurut tahap masing-masing.

- 10.1.4 Warga emas berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam memakmurkan masjid dan institusi agama.
- 10.1.5 Warga emas berhak mendapat kemudahan yang mesra warga emas daripada institusi agama.

## 10.2 KELANGSUNGAN HIDUP

- 10.2.1 Setiap warga emas berhak dan bertanggungjawab untuk hidup dalam persekitaran yang selesa dan sejahtera sesuai dengan tahap keupayaan dan kemampuan.
- 10.2.2 Setiap warga emas berhak untuk menikmati hidup bermaruah serta diberi ruang dan peluang untuk meningkatkan kualiti kehidupan.
- 10.2.3 Setiap warga emas berhak untuk memperolehi kehidupan yang berkualiti dan menghadapi kematian dengan tenang.
- 10.2.4 Warga emas bertanggungjawab untuk mengelakkan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mencederakan serta mengancam nyawa dan jiwa.
- 10.2.5 Setiap warga emas berhak untuk mendapat layanan yang adil dan saksama tanpa mengira agama, jantina, keturunan, etnik dan kecacatan.

## **10.3KESIHATAN DAN KECERGASAN SEPANJANG HAYAT (PENUAAN SIHAT)**

- 10.3.1** Warga emas berhak menikmati hidup secara sihat dan afiat yang boleh dicapai secara optimum.
- 10.3.2** Warga emas berhak mendapat pendidikan dan rawatan kesihatan yang komprehensif.
- 10.3.3** Warga emas perlu diberi akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dari semua aspek yang diperlukan.
- 10.3.4** Warga emas berhak mendapat maklumat mengenai tahap kesihatan mereka dan membuat keputusan yang berkaitan.
- 10.3.5** Warga emas yang sakit dan tidak berupaya berhak mendapat jagaan kesihatan yang berterusan daripada anak, ahli keluarga, masyarakat dan kerajaan.
- 10.3.6** Warga emas berhak mendapatkan perkhidmatan dan ekosistem kehidupan yang mesra warga emas.

## **10.4PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT**

- 10.4.1** Warga emas bertanggungjawab menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber ilmu dan sumber rujukan untuk pendidikan.
- 10.4.2** Warga emas berhak dan bertanggungjawab menimba segala jenis ilmu pengetahuan serta kemahiran, secara teori dan amali, sesuai dengan tuntutan semasa dan menurut keperluan.

- 10.4.3 Warga emas bertanggungjawab mengutamakan pendidikan kerohanian dan moral serta memperelokkan ibadah dan muamalah.
- 10.4.4 Warga emas berhak dan bertanggungjawab mengenalpasti potensi diri, minat dan bakat untuk dikembangkan dengan memanfaatkan semua peluang yang ada bagi menjalani proses penuaan sihat, positif, aktif dan produktif.
- 10.4.5 Warga emas berhak mendapat akses kepada peralatan, pengangkutan dan teknologi untuk mendapat perkhidmatan pendidikan yang optimum dan pembelajaran sepanjang hayat.
- 10.4.6 Warga emas berhak mendapat pendidikan dan pengiktirafan sama ada secara formal atau tidak formal daripada mana-mana institusi sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan.
- 10.4.7 Warga emas berhak untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat, idea dan perkembangan semasa melalui pelbagai saluran.

## 10.5 KELUARGA

- 10.5.1 Warga emas berhak untuk hidup bahagia dan tenang bersama keluarga hingga ke akhir hayatnya serta mendapat jagaan yang baik dari ahli keluarga.
- 10.5.2 Warga emas berhak untuk hidup berkeluarga, mengembangkan zuriat serta bertanggungjawab menyambung silaturrahim sesuai dengan keupayaan dan kemampuannya.

10.5.3 Warga emas berhak dan bertanggungjawab ke atas ahli keluarga dan wajib menunaikan segala haknya .

10.5.4 Warga emas berhak membuat pilihan sama ada untuk hidup bersendirian, bersama keluarga, berada di institusi dan sebagainya.

## 10.6 MASYARAKAT DAN UMMAH

10.6.1 Warga emas wajib dilindungi oleh sistem pewalian, kekeluargaan, kekerabatan dan kejiranian bagi memastikan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka terpelihara dalam lingkungan sosial keluarga, masyarakat dan negeri.

10.6.2 Warga emas berhak untuk hidup dalam lingkungan masyarakat yang berkebajikan, cakna dan ihsan terhadap golongan yang memerlukan.

10.6.3 Warga emas berhak dan bertanggungjawab memelihara hubungan dengan jiran dan komuniti secara harmoni, terancang dan sistematik.

10.6.4 Warga emas berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam organisasi dan pertubuhan serta menyumbang dalam kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan.

10.6.5 Warga emas berhak dan bertanggungjawab membangunkan visi dan misi ummah.

## 10.7 KEPIMPINAN

10.7.1 Warga emas berhak untuk melibatkan diri dalam kepimpinan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka.

- 10.7.2 Semua pihak hendaklah memberikan peluang, latihan dan bimbingan untuk membentuk kepimpinan warga emas yang berkualiti.
- 10.7.3 Warga emas berhak untuk terlibat dalam membuat dan melaksanakan dasar dan keputusan.

## 10.8 KEWANGAN, PEMILIKAN DAN PENGURUSAN ASET

- 10.8.1 Warga emas berhak memiliki, menerima, memberi, mengurus kewangan dan mewariskan aset serta bertanggungjawab menunaikan semua kewajipan berkaitan dengannya secara bijaksana dan tanpa pengaruh yang tidak wajar daripada mana-mana pihak.
- 10.8.2 Bagiwarga emas tidak berupaya, wali terutamanya anak-anak bertanggungjawab mengikut keutamaan, kemampuan dan keupayaannya memenuhi keperluan hidup dan nafkah yang munasabah.
- 10.8.3 Warga emas bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus aset dan hartanya mengikut instrumen kewangan secara sah.
- 10.8.4 Bagi warga emas yang miskin, mereka berhak untuk memohon dan mendapatkan nafkah dan bantuan daripada pihak yang bertanggungjawab.

## 10.9 PEKERJAAN

- 10.9.1 Warga emas yang diberikan ruang dan peluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemampuan, keupayaan, kelayakan dan kesihatan mereka hendaklah diberikan perlindungan, ganjaran dan layanan yang sewajarnya.

10.9.2 Warga emas yang tidak mampu bekerja berhak mendapat bantuan dan pembiayaan daripada wali, anak-anak, badan-badan tertentu dan kerajaan.

## 10.10UNDANG-UNDANG

10.10.1 Warga emas berhak dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang dan bertanggungjawab mematuhi undang-undang.

10.10.2 Warga emas berhak mendapat akses kepada perkhidmatan perundangan dan keadilan yang mesra warga emas.

10.10.3 Warga emas perlu dilindungi daripada sebarang ancaman, gangguan, keganasan, kecederaan, penderaan, pengabaian, perlakuan cuai dan penganiayaan fizikal dan mental, eksploitasi ekonomi, media, penyalahgunaan dadah dan terorisme.

10.10.4 Warga emas yang berkonflik dengan undang-undang hendaklah diberi perlindungan oleh wali dan pihak berkuasa.

## 10.11SISTEM JAMINAN SOSIAL

10.11.1 Warga emas merupakan sebahagian daripada sistem jaminan sosial sama ada sebagai penerima atau pemberi dan pembawa keberkatan dalam kehidupan berkeluarga.

10.11.2 Sistem jaminan sosial hendaklah mengambil kira fitrah, keupayaan, kemampuan, keperluan dan kebijakan warga emas.

10.11.3 Warga emas berhak dilindungi oleh sistem perwalian, mahram dan kekeluargaan dengan penuh kasih sayang bagi memastikan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka terpelihara dalam lingkungan sosial keluarga, masyarakat dan negeri.

## **11.0 STRATEGI PELAKSANAAN DASAR**

Bagi memastikan DWM dapat dilaksana dengan baik, strategi berikut digariskan bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan serta menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan dan tindakannya.

### **11.1 Kesedaran**

11.1.1 Membangkitkan kesedaran dan keprihatinan semua pihak mengenai ilmu, isu dan kesejahteraan warga emas.

11.1.2 Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan akhlak dan adab terhadap warga emas serta cara bermuamalah dengan mereka.

11.1.3 Meningkatkan tahap kesedaran orang ramai untuk merancang bagi menghadapi hari tua dan saat kematian.

### **11.2 Kefahaman**

11.2.1 Meningkatkan kefahaman ahli keluarga dan pelbagai agensi tentang peranan, hak dan tanggungjawab dalam membangun dan menjaga keperluan serta kebijakan warga emas.

11.2.2 Memantapkan kefahaman warga emas tentang hakikat dan peranan warga emas dalam menjalani kehidupan yang berkualiti.

### 11.3 Pembinaan

11.3.1 Mewujudkan pelbagai polisi, ruang, peluang, kemudahan, perkhidmatan, bimbingan, sokongan dan ekosistem untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas.

### 11.4 Penghayatan

11.4.1 Membina sistem jaringan anggota masyarakat untuk berfungsi sebagai pasukan yang saling menyokong dan bertanggungjawab untuk menyantuni warga emas .

11.4.2 Memantapkan pembangunan diri setiap warga emas agar mereka terlibat secara aktif dan berkualiti.

### 11.5 Penilaian

11.5.1 Menilai dan menyemak semua polisi kerajaan dan kemudahan yang sedia ada agar bertepatan dengan usaha untuk kesejahteraan warga emas.

11.5.2 Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program, modul dan latihan supaya selaras dengan matlamat dan objektif DWM.

### 11.6 Penambahbaikan

11.6.1 Mengadakan pemulihian serta penambahbaikan program bagi menjayakan DWM.

## **12.0 PELAKSANAAN**

- 12.1 Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan dilaksanakan secara berfasa mengikut pelan tindakan.
- 12.2 Kerajaan Negeri, dengan sokongan komuniti, pelbagai agensi dan NGO, bertanggungjawab merancang, menentukan dan menyusun keutamaan dan keperluan negeri dan ummah dalam membangunkan dan membina pelan tindakan.
- 12.3 DWM hendaklah dilaksanakan mengikut skop-skop berikut:
- |                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| a) Agama                             | l) Golongan Rentan dan Minoriti            |
| b) Keluarga                          | m) Jaringan                                |
| c) Keperluan Asasi dan Infrastruktur | n) Alam Sekitar dan Perubahan Iklim        |
| d) Keselamatan                       | o) Kemahiran                               |
| e) Kesihatan                         | p) Sukan dan Rekreasi                      |
| f) Hak dan Undang-undang             | q) Kesenian dan Kebudayaan                 |
| g) Sistem Sokongan                   | r) ICT (Teknologi maklumat dan komunikasi) |
| h) Pendidikan                        | s) Ekonomi dan Kewangan                    |
| i) Politik dan Kepimpinan            | t) Aset dan Harta                          |
| j) Kesukarelawanan                   | u) Pekerjaan                               |
| k) Masyarakat                        |  |

## **13.0 FASA PELAKSANAAN**

- 13.1 Fasa pelaksanaan ini akan menjadi rujukan kepada pasukan pengurusan dan pasukan pelaksanaan. Antara tujuan pembentukan fasa pelaksanaan ini adalah sebagaimana berikut;
- 13.1.1 Bagi memastikan dasar ini dapat diimplementasikan secara bertahap dan berkesan mengikut perkembangan semasa setiap fasa.
- 13.1.2 Sebagai panduan untuk penilaian semula dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.
- 13.1.3 Memudahkan penerusan gerak kerja kepada pasukan pengurusan dan pelaksanaan tanpa ada pengulangan gerak kerja.

## **14.0 PINDAAN**

Sebarang pindaan yang dibuat ke atas teks Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan perlulah dipersetujui di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

## **15.0 PENUTUP**

- 15.1 Islam telah menetapkan satu panduan tatacara hidup bermuamalah yang menyeluruh, mencakupi kesemua tahap kehidupan. Tatacara hidup bermuamalah yang selaras dengan tuntutan fitrah naluri kehidupan ini diterjemahkan dalam bentuk dasar yang akan menjadi panduan kepada semua pihak

bagi membina masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati.

15.2DWM merupakan dasar yang memfokuskan perhatian kepada aspek kesejahteraan dan pembangunan generasi warga emas serta memberi halatuju kepada program dan perkhidmatan yang mesra warga emas bagi membangun masyarakat yang cakna dan prihatin.

15.3Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak sangat mempengaruhi kejayaan dasar ini.

## **MAKLUMAT KUMPULAN PENYELIDIKAN DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN**

Ketua - Puan Mazidah Muhammad

Ahli - Puan Hjh Wan Ubaidah Omar

Puan Wan Nor Ainin Wan Abdullah

**MAKLUMAT AHLI PENGGUBAL  
DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN**

**YB Dato' Hjh. Mumtaz Md Nawi**

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pembangunan, Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**YB Puan Rohani Ibrahim**

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pembangunan, Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**YB Dato' Hj. Hassan Mohamood**

Ahli Dewan Undangan Negeri Tawang

**YB Senator Ustazah Asmak Husin**

Ahli Dewan Negara

**YABrs. Ilvira Mohd Dasuki**

Pengarah

Urus Setia Kebajikan Pembangunan, Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**YBrs. Mas Rozita Mas Mohamad**

Timbalan Pengarah

Urus Setia Kebajikan Pembangunan, Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**YABrs. Dato' Dr. Johari Mat**

Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru

**YBhg. Dato' Haji Abdull Hallim bin Haji Hamad**

Pengerusi

Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Kelantan

**YBrs. Prof. Madya Dr. Mohammed Saat Ismail**  
Profesor Madya Kehormat  
Hospital Universiti Sains Malaysia Cawangan Kelantan

**YABrs. Dr. Wan Nik Bin Wan Yussof**  
Pengarah  
Pusat Kajian Strategik (PKS)

**YBrs. Dr. Haji Nazmi Ghazali Azmi**  
Pengarah  
Unit Pemantauan & Pelaksanaan Strategik (SPARK)

**YBrs. Encik Zaharin Bakri**  
Pengarah  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPKKN)  
Negeri Kelantan

**YBhg. Profesor Madya Dr. Asrenee Abdul Razak**  
Pakar Perunding Psikiatri & Pensyarah Perubatan

**YBhg. Dr. Siti Nurbaya Mohd Nawi**  
Pakar Perubatan Geriatrik & Pensyarah Perubatan

**YBhg. Prof. Dr. Ainul Jaria Maidin**  
Pensyarah  
Universiti Antarabangsa Islam Malaysia

**YBrs. Dr. Nurhafilah Musa**  
Pensyarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**YBhg. Dr. Puan Nurul Akma Mohamed@Sheikh Mohd Amin**  
Ketua Jabatan Al-Syariah  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

**YBhg. Ustaz Wan Abu Bakar Wan Mahussin**  
Pengerusi  
ALP Sriti Madinatul Ilmi

**YBhg. Hjh Wan Ubaidah Omar**  
Mantan ADUN Kijang

**YBhg. Pn. Mazidah Mohammad**  
Penggubal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan

**YBhg. Ustaz Mat Daud Awang**  
Pegawai Dakwah dan Latihan  
Yayasan Islam Kelantan

**YBhg. Rahimah Husain**  
Pengerusi Sabiqat Negeri Kelantan

**YBhg. Wan Nor Ainon Wan Abdullah**  
Panel Semakan Dasar Wanita Kelantan  
dan Gagasan Wanita Kelantan

**YBhg. Dr. Mohd Isa Bin Hamzah**  
Pengerusi Pondok Unais, Selangor

## **SEJARAH RINGKAS PEMBENTUKAN DASAR WARGA EMAS MUKRAMUN KELANTAN**

Siri-siri perbincangan Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan oleh panel penggubal seperti berikut:

**i. Mesyuarat Panel Penggubal**

- 17 Ogos 2020 – Bilik Sekretariat, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu
- 23 September 2020 - Pejabat Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
- 23 Disember 2020 - Pejabat Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

**ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan**

- 20 Disember 2020 - Bilik Gerakan Negeri Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu

**iii. Mesyuarat Pembentangan Draf Dasar Warga Emas**

- 28 Disember 2020 - Bilik Mesyuarat Aras 7, MABNA Kompleks Kota Darulnaim
- 22 Februari 2021 - Bilik Mesyuarat Aras 7, MABNA Kompleks Kota Darulnaim

**iv. Mesyuarat Penggubalan Dasar Warga Emas**

- 7 Mac 2021 - Bilik Gerakan Negeri, MABNA Kompleks Kota Darulnaim
- 14 Mac 2021 - Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Dewan Negeri Kompleks Kota Darulnaim

**v. Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 9/21**

- 5 Mei 2021 – Bilik Mesyuarat MMK, Kompleks Kota Darulnaim

## **NOTA**



## URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Tel: 09-748 1957@09-747 6568 Faks: 09-747 6510

ukekwa@kelantan.gov.my ukekwa u\_kekwa wanitakelantan.com

### TALIAN HOTLINE

Kebajikan/ Bencana 019-988 2999  
Kaunseling 013-983 5912  
Kelas Jahitan & Sulaman 013-984 5917  
Daftar Sukarelawan 013-984 6913  
Majlis Perundingan Wanita 011-3310 2454  
Taska Keluarga Mawaddah 013-983 6915